

23/07/2002

Belanjawan 2003 tunjuk kekuatan ekonomi: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan pada 20 September ini bakal menunjukkan kekuatan sebenar ekonomi dan kewangan negara setelah pulih, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yakin belanjawan tahun depan itu dapat mengurangkan defisit berbanding belanjawan tahun ini dan dengan itu akan meningkatkan penarafan negara.

Berucap pada perhimpunan bulanan Perbendaharaan di Kompleks Pejabat Kerajaan di Jalan Duta di sini hari ini, beliau bagaimanapun tidak menyatakan anggaran sebenar defisit bagi Belanjawan 2003 nanti.

Penganalisis ekonomi sebelum ini berpendapat tahap defisit itu dijangka di bawah enam peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dr Mahathir berkata, kekukuhan ekonomi negara juga disebabkan kerajaan dapat mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap sehingga tidak perlu meminjam wang dengan banyak, serta berjaya melaksanakan projek besar.

"Kita merancang dan menyusun belanjawan kita. Dengan itu, kita tidak belanja lebih daripada yang mampu dibelanja. Sebab itulah, hari ini negara kita tidak terikat dengan hutang yang terlalu besar sehingga kita terpaksa menggunakan segala hasil kita untuk membayar hutang.

"Kita hutang juga, tetapi secara sederhana dan kebanyakannya hutang dalam negara. Kalaupun kita pergi hutang di luar negara, sebabnya bukanlah kerana kita tidak mempunyai wang yang cukup dalam negara, tetapi untuk ukuran bagi menentukan nilai pulang kredit kita.

"Kita dapati apabila kita ke luar negara untuk berhutang, ramai menawarkan untuk memberi hutang, bahkan yang ditawarkan kepada kita jauh lebih banyak daripada yang diperlukan oleh kita. Ini menunjuk betapa kuatnya kewangan negara, Alhamdulillah. Kita harus teruskan dengan usaha mentadbir kewangan dengan bijak secara berhemat," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berani melaksanakan projek raksasa pembinaan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya kerana ia adalah dalam kemampuan kerajaan.

Katanya, bangunan di Putrajaya itu sendiri dicipta dan dibentuk untuk menjadi ibu atau pusat pentadbiran Malaysia buat masa yang lama.

"Saya tak fikir kita dapat mengadakan pusat pentadbiran yang baru sekejap-sekejap walaupun dulu biasanya, apabila negara maju dan membangun dengan cepat dan keperluan perkhidmatan daripada kerajaan bertambah, kita dapati bangunan yang kita guna itu tidak sesuai.

"Maka biasanya kita tambah sikit-sikit sehingga bangunan cantik menjadi hodoh kerana disambung dan ditambah tanpa mengikut pelan yang terbaik," katanya.

Beliau berkata, jika ekonomi merosot dan negara menjadi miskin, kerajaan mungkin terpaksa menjual bangunan baru di Putrajaya.

"Tetapi Alhamdulillah sehingga kini kita dapat uruskan kewangan kita dengan baik. Sebab itu, walaupun kita mengadakan satu rancangan raksasa iaitu Putrajaya, pegawai dan anggota Kementerian Kewangan tentu tahu bahawa kita tidak menjadi bankrap kerana rancangan ini.

"Kita urus kewangan kita dengan baik kerana kecekapan pegawai kita dalam merancang dan menyusun belanjawan kita," katanya.